

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT - PKR]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN (NO. 39)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimana Tabung Usahawan Belia boleh membantu golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan, usaha yang dilakukan untuk memperkenalkan tabung ini, setakat mana sambutan dan keberkesanannya.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Usahawan Belia adalah merujuk kepada beberapa skim pembiayaan yang telah sedia ada dan disediakan di agensi kerajaan yang lain yang berkaitan keusahawanan yang memfokuskan kepada usahawan belia.
2. Antara skim pembiayaan tersebut adalah seperti berikut:
 - a) Tabung Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah SME Corp;
 - b) Program Agropreneur Muda dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan/Agensi seperti Agrobank dan TEKUN;
 - c) Tabung Usahawan Siswazah 2 dan *Young Entrepreneur Fund* (YEF) di bawah SME Bank; dan
 - d) Skim Pembiayaan Franchisor dibawah Perbadanan Nasional Berhad (PNS).
3. Bagi tujuan kerjasama pelbagai agensi dan penyelarasan fungsi serta program keusahawanan belia, Kementerian ini merupakan urusetia bagi Jawatankuasa Kabinet Usahawan Muda (JKUM) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. JKUM dianggotai oleh 16 Menteri, Ketua Setiausaha Negara dan ahli jemputan.

SULIT

4. Untuk makluman juga, Kementerian ini sedang dalam pembangunan portal dikenali sebagai Portal YEN yang menjadi hub usahawan belia secara maya. Portal ini menyampaikan maklumat kemudahan pembiayaan, latihan, fasiliti dan infrastruktur serta akses kepada pasaran yang disediakan oleh agensi-agensi berkaitan keusahawanan. Belia juga boleh melakukan permohonan pinjaman melalui portal ini, selain dapat berkomunikasi dengan usahawan yang berdaftar untuk bertukar pendapat, idea dan berkongsi pengalaman dalam bidang keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: ...⁴⁰

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan dalam masa yang terdekat berhasrat untuk bersama-sama dengan Parti Pembangkang PAS memperkenalkan Rang Undang-Undang Hudud dan sama-sama berusaha agar ianya diluluskan dalam Parlimen dan menjadi satu Akta dan dilaksanakan kemudiannya.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif dalam melaksanakan hukum Islam dan mengamalkan prinsip-

prinsipnya (*maqasid* Syariah) dalam sistem perundangan negara selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

Sehubungan itu, pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah juga hendaklah teratur dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkuat kuasa. Ini bagi menjamin pelaksanaan undang-undang tersebut tidak melangkaui kuasa yang diberikan di bawah undang-undang berkenaan.

Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Parlimen untuk membenarkan melalui Akta Parlimen, Badan-Badan Perundangan Negeri-Negeri atau mana-mana daripadanya, untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Parlimen. Selanjutnya, Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Negeri untuk membuat undang-undang bagi perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Dalam hal ini, perkara berhubung dengan hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam disenaraikan di bawah Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, perkara tersebut merupakan perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan bukan Kerajaan Persekutuan. Maka pemberian kuasa oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk membuat undang-

undang berhubung undang-undang Islam secara umum tidak berbangkit.

Namun demikian, sekiranya undang-undang Islam yang dimaksudkan merujuk kepada perkara yang juga diliputi di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sebagai contoh undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan yang merupakan perkara yang dinyatakan di bawah Butiran 4 Senarai I (Senarai Persekutuan) Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, peruntukan Fasal (1) Perkara 76A(1) Perlembagaan Persekutuan mungkin boleh berbangkit.

Oleh yang demikian, sekiranya terdapat mana-mana permohonan daripada Kerajaan Negeri di bawah Perkara 76A(1) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan perlu meneliti mana-mana permohonan tersebut bagi memastikan sama ada Kerajaan Persekutuan mempunyai bidang kuasa ke atas hal perkara (*subject matter*) yang terlibat dan implikasi dari segi keseragaman pelaksanaan undang-undang Islam antara negeri.

Sekian, terima kasih.